



# Modal IPO bantu Seng Fong perluas operasi, pelanggan

Syarikat mahu optimum pengeluaran dengan tingkat jumlah kapasiti tahunan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Seng Fong Holdings Bhd** (Seng Fong) akan menggunakan modal yang diraih daripada tawaran awam permulaan (IPO) bagi tujuan pengembangan operasinya.

Syarikat pengeluar getah dan pedagang Getah Standard Malaysia (SMR) serta getah blok gred premium itu dijadual akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Bhd tidak lama lagi.

IPO Seng Fong membabitkan penerbitan 160.87 juta saham biasa atau 31 peratus daripada jumlah saham terbitan syarikat yang diperbesarkan yang terdiri daripada terbitan awam sebanyak 90.81 juta saham dan tawaran untuk jualan sebanyak 70.06 juta saham.

Pengarah Urusan Seng Fong, Er Hock Lai, berkata penyenaraian itu akan membantu syarikat mengembangkan pangkalan pelanggannya di peringkat global sambil membolehkan mereka mendapat akses kepada pasaran modal untuk mengumpul dana bagi peluang pertumbuhan masa hadapan.

Beliau berkata, ia juga membolehkan syarikat mengoptimalkan pengeluaran dengan meningkatkan jumlah kapasiti tahunannya.

Ini, katanya akan dilaksanakan melalui pengambilan pekerja tambahan untuk syif kerja kedua dan melaksanakan inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk menjadikan perniagaannya menjadi lebih mapan.

"Kami berhasrat untuk menggunakan sebahagian daripada hasil yang dinaikkan IPO untuk membentai keperluan modal kerja bagi mengembangkan kapasiti pengeluaran tahunan kepada 166,000 tan metrik menjelang 2023 daripada kapasiti semasa 142,000 tan metrik.

"Untuk meneruskan inisiatif ESG, kami juga menggunakan

hasil yang diperoleh daripada IPO untuk membayar balik pinjaman bank yang telah kami gunakan untuk memasang dua sistem solar, yang akan membantu mengurangkan perbelanjaan elektrik secara keseluruhan," katanya pada pelancaran prospektus Seng Fong di Kuala Lumpur, semalam.

Hock Lai berkata, selain itu, Seng Fong turut memperuntukkan dana yang diperoleh daripada IPO untuk memasang dua sistem biojisim menggunakan

serpihan kayu dan menggantikan diesel untuk mengurangkan kos bahan api keseluruhan untuk kemudahan kilangnya.

Beliau berkata, syarikat menanggarkan bahawa penggunaan sistem solar akan menghasilkan penjimatan sebanyak RM2.6 juta, manakala sistem biojisim akan membantu menjimatkan RM3.5 juta.

Di samping penjimatan kos, katanya, penggunaan tenaga boleh diperbaharu untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan bahan api adalah selaras dengan penekanan untuk mempunyai operasi perniagaan yang mampan

Tukaran Wang Asing			
1 unit mata wang asing bagi setiap RM			
Dolar Amerika	4.4890	4.3560	4.3460
Dolar Australian	3.1370	3.0140	2.9980
Dolar Brunei	3.2210	3.1280	3.1200
Dolar Kanada	3.4800	3.3880	3.3760
Euro	4.6830	4.5330	4.5150
Dolar New Zealand	2.8300	2.7260	2.7100
Kina Papua N Guinea	N/A	N/A	N/A
Dolar Singapura	3.2210	3.1280	3.1200
Pound Sterling	5.4630	5.2920	5.2720
Franc Switzerland	4.4930	4.3910	4.3760
100 unit mata wang asing bagi setiap			
Dirham UAE	123.6400	117.2600	117.0500
Taka Bangladesh	4.8670	4.9600	4.3600
Krone Denmark	64.5300	59.4000	59.2000
Renminbi China	66.5000	63.9000	N/A
Dolar Hongkong	57.7900	54.9300	54.7300
Dolar Taiwan	16.2000	N/A	N/A
Rupee India	5.8400	5.4900	5.2900
Rupiah Indonesia	0.0316	0.0286	0.0236
Yen Jepun	3.3530	3.2480	3.2380
Krone Norway	46.5700	42.8300	42.6300
Rupee Pakistan	2.2400	2.0900	1.8900
Peso Filipina	8.5500	8.0600	7.8600
Saudi Riyal	120.9900	114.8600	114.6600
Qatar Riyal	124.1900	117.8900	117.6900
Rand Afrika Selatan	28.9000	26.1100	25.9100
Sri Lanka Rupee	1.3100	1.1500	0.9500
Swedish Krone	45.4800	41.4100	41.2100
Thai Baht	13.4300	11.9100	11.5100

dan keperluan untuk memulihara alam sekitar.

"Syarikat optimis akan dapat memanfaatkan IPO ini untuk mencapai objektif segera disamping meningkatkan kehadirannya di pasaran antarabangsa untuk pemprosesan getah.

"Hampir semua hasil Seng Fong diperoleh daripada jualan kepada pelanggan antarabangsa untuk tahun kewangan 2019 sehingga 2021.

"Bagi sembilan bulan berakhir 31 Mac 2022, Seng Fong mencatatkan hasil RM662.43 juta dengan untung kasar RM61.74 juta dan untung selepas cukai RM31.32 juta.

"Berdasarkan atas kukuh dan reputasi perniagaan kami, kami berhasrat untuk mengesyorkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keuntungan bersih tahunan sebagai dividen kepada pemegang saham tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham," katanya.



Er Hock Lai